

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 49 RABU 13HB. DISEMBER, 1972. 1392 رابو 7 ذو القعدة PERCHUMA

DULI Yang Maha Mulia Sultan Johore telah menganugerahkan Bintang Kebesaran Negeri Johore, ia-itu Darjah Seri Paduka Mahkota Johore Yang Amat Mulia kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himamah Wat-Waqar Muda Mohammad Bolkiah.

Bintang Kebesaran tersebut telah di-sampaikan oleh Duli Yang Amat Mulia Raja Muda Johore sa-bagai mewakili Paduka ayahanda baginda dalam satu Istiadat yang telah di-adakan di-Istana Darul Hana pada petang hari Ahad lepas (Gambar kanan).

Istiadat mengurniakan Bintang Kebesaran itu telah di-hadiri oleh Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa, Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, ahli2 Majlis Meshuarat Diraja dan juga ahli2 rombongan dari Negeri Johore.



K'jaan akan terus menyelaraskan pemakaian B-Melayu sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pmk. Pengerusi Lembaga Bandaran, Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz telah menyeru pehak2 yang berkenaan, khas-nya Sekolah2 China dan Misi supaya jangan menghadkan kepada arahan2 dan kemudahan2 yang di-berikan oleh Kerajaan dalam menyelaraskan pemakaian Bahasa Melayu.

Beliau mensifatkan sambutan yang sa-takat itu hanyalah sa-bagai "melepaskan batok di-tangga" sahaja.

Bahasa Melayu telah ujud berkurun2 dahulu dan merupakan bahasa tunggal di-Brunei bukan sahaja di-gunakan dalam pentadbiran negara

bahkan juga dalam perniagaan dan perdagangan walaupun pada waktu itu bahasa Melayu belum termaktob sa-bagai bahasa rasmi negara.

Demikian di-tegaskan oleh Yang Berhormat itu ketika beliau merasmikan 'Malam Bahasa' anjoran Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa yang telah di-adakan di-Dewan Raya Bandar Seri Begawan pada malam Ahad lepas.

Yang Berhormat itu berkata, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak akan teragak2 bagi terus-menerus menyelaraskan pemakaian bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal di-negeri ini.

Beliau menyatakan kegem-biraan-nya atas sambutan2 dari Sekolah2 China dan Misi tetapi mengingatkan mereka dan juga pehak2 yang berkenaan supaya jangan menghadkan arahan2 sa-takat kemudahan yang di-berikan oleh Kerajaan saja. Kerana sam-

(Lihat muka 8)



ISTIADAT 'Akad Nikah bagi Perkahwinan Diraja antara Y.T.M. Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam binte D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin dengan Yang Mulia Pengiran Idris bin Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Abdul Kahar (gambar atas) telah semporna di-laksanakan pada petang semalam.

Istiadat Bersanding Diraja akan di-adakan di-Balai Singgahsana, Istana Darul Hana pada hari Sabtu 16hb. Disember. (Berita lanjut di-siarkan di-muka tengah).

Lagi sa-orang penuntut lulus pengajian tinggi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang penuntut Brunei, Awang Ibrahim bin Haji Mohamed telah pulang ka-tanah ayer sa-telah menamatkan pengajian-nya di-beberapa buah maktab di-United Kingdom.

Awang Ibrahim telah berjaya menjadi salah sa-orang

ahli bersekutu dalam Yayasan Diraja Akitek British yang melayakkan diri-nya menjadi Akitek Professional.

Beliau mengikuti kursus dengan bekerja di-Royal Borough of Kensington dan Chelses, bagi mendapatkan kemahiran di-samping meng-

ikuti kuliah2 di-Thames Polytechnik.

Awang Ibrahim ia-lah penuntut Brunei yang pertama mendapat kelayakkan itu sa-telah menuntut di-United Kingdom sejak tahun 1959 atas dermasiswa kerajaan melalui Jabatan Pelajaran.

Baharu2 ini terdapat beberapa renchana yang di-siarkan di-akhbar2 tempatan, yang mungkin menimbulkan beberapa persoalan berhubung dengan dasar Kerajaan mengenai perkerjaan yang mana kebanyakan-nya ada-lah tidak berasas sama sekali. Memandang akan hal saperti ini yang mana mungkin akan mengelirukan raayat negeri ini terutama-nya mereka yang ingin hendak mencari pekerja'an maka patut-lah di-beri sedikit penerangan supaya akan dapat di-fahami oleh mereka yang berkenaan. Walau pun penerangan2 dari Jabatan Buroh telah kerap kali di-siarkan tetapi nampak-nya masih banyak lagi orang2 yang belum mengetahui akan kemudahan2 yang telah di-se-diaikan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Untuk pengetahuan kepada penulis2 yang di-maksudkan di-atas sejauh ini Pejabat Buroh belum menerima apa2 aduan mengenai dengan layanan2 yang tidak memuaskan dari sebarang majikan atau pemborong2. Ada-lah layanan yang tidak memuaskan di-khuatirkan bahawa mereka yang pernah mendapat kan itu ada-lah mereka yang telah mencari pekerjaan dengan tidak melalui atau menggunakan kemudahan2 yang tertentu yang mana boleh di-dapati dari Pejabat Buroh. Dengan melalui Jabatan Buroh maka sebarang pengaduan yang berthabit dengan layanan2 saperti ini akan dapat di-siasat dengan segera-nya dan tindakan di-ambil jika di-per-lukan.

Perlu juga di-tegaskan bahawa pemohon2 yang mencari pekerjaan mesti-lah bersedia untuk menerima sebarang tawaran untuk bekerja yang sa-imbang dengan pengetahuan dan kemahiran masing2. Pejabat Buroh hanya dapat menolong mereka dengan chara menempatkan mereka dengan majikan2 atau pemborong2 tetapi untuk ja-

BERIKUT ini ia-lah satu renchana khas yang di-keluarkan oleh Pesuruhjaya Buroh untuk Penerangan kepada orang2 ramai khusus-nya orang2 yang memohon pekerjaan dengan melalui Pejabat Buroh, sama ada mereka hendak bekerja di-sektor2 perusahaan atau perniagaan atau pun sektor2 private dan kontrektor2.

Usaha ini ada-lah sa-bagai satu langkah bagi memberi makloman kepada orang2 ramai yang hendak memohon pekerjaan yang mereka itu hendak-lah terlebih dahulu menghug-bongi Pejabat Buroh, di-samping menekankan mereka supaya jangan memileh sangat akan jenis2 pekerjaan.

JANGAN MEMILEH JENIS PEKERJAAN

minan sa-terus-nya maka ter-pulang-lah kepada kegiatan dan kecekapan masing2 dalam menjalankan tugas yang di-arahkan.

Dasar Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan untuk memberikan keutamaan kepada anak2 tempatan akan tetap di-kuat kuasakan dan Pejabat Buroh akan mengambil tindakan yang se-wajar-nya jika terdapat pe-hak2 yang tertentu yang tidak mengindahkan peratoran ini. Untuk memudahkan dan menjayakan penyelenggaraan dasar ini maka ada-lah perlu untuk mereka yang mencari pekerja'an sama ada sa-bagai buroh kasar atau pun buroh

mahir untuk mendaftarkan diri di-Pejabat Buroh bahagian Pekerja'an dan sa-terus-nya jika ada pengaduan2 maka hendak-lah di-bawa ka-penge-tahuan pejabat itu untuk di-siasat dan di-ambil tindakan jika perlu.

Dengan ada-nya kerjasama saperti yang telah di-terangkan di-atas maka ada-lah di-per-

chayai bahawa ramalan2 yang membayangkan "bahawa akan terdapat pengemis2 di-sana sini" tidak akan menjelma sebagai kenyataan kepada mereka2 yang benar2 berusaha dan hanya akan terjadi kapada mereka yang berpelok tuboh serta "garing" dan memileh jenis pekerja'an yang di-sukai sahaja.

PERANGKAB anjorkan "Malam Amal" untuk Tabong Pembinaan Stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Berakas rengkas-nya PERANGKAB akan menganjorkan Malam

Amal untuk mengutib derma bagi Tabong Pembinaan Stadium.

Persembahan perdana akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait pada 16hb. Disember mulai jam 7.15 hingga dan satu pertunjokkan lagi akan di-mulai pada jam 9.30 malam.

Bagi pertunjokkan itu, tiket2 boleh di-beli dari Awang Metali Tahir, Jabatan Talikom, Awang Busu bin Ahmad Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Awang Haris Bungsu di-Taxi Stand dan Dayang Hamziah bte. Hussain, Jabatan Bandaran Kuala Belait.

Satu rombongan penyanyi2 dari Singapura yang terdiri dari Aziz Ja'afar, Raman Marikan dan ahli2 pelawak Wahid Satay, Aziz Satar, serta Sa'adiah dan rombongan penari-nya akan mempersembahkan lagu2 pop di-pertunjokkan Malam Amal itu.

Pertunjokkan yang sama akan di-adakan di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan Bandar Seri Begawan pada 17hb. Disember mulai pukul 7.15 malam dan satu pertunjokkan lagi pada 9.30 malam. Tiket2 untuk pertunjokkan itu boleh di-beli dari Sharikat Mega di-bangunan PGGMB Bandar Seri Begawan atau di-pintu masuk kedewan tersebut sa-belum pertunjokkan di-mulakan.

Satu lagi pertunjokkan akan di-adakan di-panggung Boon Pang Bahru Bandar Seri Begawan pada 18hb. Disember mulai pukul 9.30 malam dan untuk pertunjokkan ini tiket2 dapat di-beli di-Sharikat Mega.

J/K Tabong Pembinaan Stadium di-bentok bagi Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Sebuah jawatankuasa Tabong Pembinaan Stadium telah di-bentok di-Daerah Belait.

Jawatankuasa itu di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar.

Penolong Pegawai Daerah Belait, Awg. Jaya bin Abdul

Latif telah di-lantek sa-bagai Setia Usaha Jawatankuasa tersebut.

Jawatankuasa itu telah mengadakan meshuarat-nya yang pertama pada pada minggu-lalu bertempat di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait.

Dalam meshuarat itu beberapa chadangan untuk mengisi tabong pembinaan itu telah di-kemukakan.

Di-antara chadangan2 itu termasuk-lah perlawanan bola sepak, perlawanan bola keranjang, pementasan, majlis tari menari, pasar ria, tayangan wayang gambar dan menaruh tabong2 di-pejabat2 dan di-firma2.

Dalam meshuarat itu empat orang pengerusi bagi jawatankuasa kecil telah juga di-lantek.

Mereka ia-lah Awang Chua Kong Soo, sa-bagai Pengerusi Bahagian Sosial, Awang Wong Siew Meng, Pengerusi Bahagian Sokan, Awang Yahya bin Haji Haris selaku Pengerusi Kewangan dan Awang Roslee Teo Kim Yau sa-bagai Pengerusi Chenderamata.

Sementara Awang Mohamed Taib bin Haji Mohamed Said telah di-lantek sa-bagai Penolong Setia Usaha Jawatankuasa Pembinaan Stadium Daerah Belait.



MAKTAB Anthony Abell, Setia telah munchol sa-bagai johan sa-telah mengalahkan Seko'ah St. George dalam peraduan akhir kuiz sekolah2 yang telah di-adakan di-dewan Maktab A.A.C., Setia pada minggu alu.

Peraduan tersebut ada-lah acara tahunan yang di-kelolakan oleh Radio Brunei Bahagian Ingeris.

Gambar atas menunjukkan tiga orang peserta A.A.C. bergambar dengan piala kemenangan mereka.

SALAH satu dasar agama Islam yang amat penting ialah persaudaraan seluruh umat Islam tanpa mengira bangsa, keturunan dan warna kulit. Allah Subhanahu-Wataala telah berfirman yang bermaksud: "Sesungguhnya orang2 mu'min itu ada-lah bersaudara antara satu dengan lain". Kerana itu orang2 Islam ada-lah di-anjurkan supaya memelihara tali persaudaraan itu dengan mematuhi perintah2 Allah dan Rasul-nya serta suka pula nasehat-menasehati antara satu dengan lain pada jalan yang benar dan berkebaikan, serta menajauhi perbuatan2 dan perkataan2 yang boleh menyinggong perasaan dan merang-gangkan rasa persaudaraan tersebut.

Rassulullah s.a.w. telah mengajar kita supaya berhati2 pada menggunakan lidah dan tangan kita jangan sampai di-gunakan untuk menyakiti sa-sama orang Islam. Sabda Baginda yang bermaksud: "Yang di-katakan orang Islam itu ia-lah orang yang selamat orang2 Islam dari kejahatan tangan dan lidah-nya".

Kita semua tahu betapa besar-nya bahaya2 lidah dan perbuatan2 tangan yang di-gunakan untuk menyakiti orang2 lain, sebab itu-lah Nabi menyebutkan bahawa orang Islam yang sa-benar-nya ia-lah orang yang tidak mempergunakan-nya untuk menyakiti orang2 Islam yang lain, kerana kedua2 anggota itu-lah yang terlalu banyak bekerja dan menyakiti sekali pun di-larang juga menyakiti manusia dengan pandangan2, suara, kaki dan sa-genap anggota.

Salah satu perbuatan yang termasuk menyakiti orang lain ia-lah menulis surat2 layang yang tujuan-nya sa-mata2 untuk melepaskan perasaan marah dan hasad dengki yang di-tujukan kepada sa-seorang tertentu. Penulis surat2 layang sa-demikian bukan hanya boleh menyakiti perasaan sa-seorang tetapi perbuatan-nya itu boleh-lah di-katakan tidak bertanggung-jawab, kerana kalau benar2 mahu menimbulkan sa-suatu perkara yang benar tidak ada salah-nya dari segi agama melakukan-nya dengan berterus-terang dan dengan chara yang sopan serta ikhlas supaya meluruskan mana2 yang bengkok dan membetulkan mana2 yang salah. Penulis surat2 layang yang bertujuan jahat itu bukan sahaja menghabiskan waktu dengan perchuma, tetapi sudah tentu tidak akan mendatangkan kesan2 baik untuk diri-nya dan masharakat-nya. Malahan sabalek-nya boleh mendatangkan kesan2 burok kepada diri-nya dan masharakat-nya.

Sa-suatu pendapat atau nasehat yang di-fikirkan manasabah dan berkebaikan patut-

MENULIS SURAT2 LAYANG ADA-LAH PERBUATAN YANG TIDAK BERTANGGONG-JAWAB



KHUTBAH JUMA'AT

Menulis surat2 layang yang bertujuan jahat itu bukan sahaja membuang masa, tetapi boleh mendatangkan kesan yang burok kepada diri-nya dan masharakat-nya.

lah di-tujukan kepada sa-seorang atau sa-suatu pehak yang berkenaan dengan chara yang jujur, ikhlas dan membina, bukan dengan chara 'limpar batu sembunyi tangan'. Kerana perbuatan lim-

par batu batu sembunyi tangan itu ada-lah perbuatan orang2 penakut dan tidak bertanggung-jawab. Agama Islam ada-lah senentiasa mengalu2kan supaya umat-nya saling nasehat-menasehati pada jalan2 yang benar dan berkeba-

jakan demi untuk kebaikan bersama dan untuk penchapai keredhaan Allah Subhanahu-Wataala.

Firman Allah di-dalam Quran yang bermaksud: "Demi masa, sesungguhnya manusia itu ada-lah di-dalam kerugian, melainkan mereka yang beriman dan mengerjakan pekerjaan2 yang baik, serta menasehati satu kapada yang lain pada menjalankan kebenaran dan menasehati satu kapada yang lain bagi menjalankan kesabaran".

Oleh yang demikian, ada-lah di-serukan supaya sama2-lah kita berhati2 dan waspada dalam sa-genap perchakapan, penulisan dan perbuatan kita supaya ia-nya benar2 mencerminkan rasa persaudaraan Islam yang jauh daripada perkara2 yang boleh menyakiti perasaan dan hati orang lain, dengan demikian akan terselamat-lah perpaduan umat Islam dari sa-barang anasir yang boleh memecahkan-nya.

Malam penutup S.M. Ahmad Tajuddin

KUALA BELAIT. — Sekolah Menengah dan Rendah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait akan mengadakan temasha penutup persekolahan tahun 1972 bertempat di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait pada 18hb. Disember ini mulai jam 7.00 malam.

Pengetua/Guru Besar Sekolah tersebut, Awang Mohammad Taha bin Abdul Rauf berkata, bahawa menjunjung atas titah perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, guru2, penuntut2 dan murid2

di-sekolah itu mengambil sukut pada temasha penutup persekolahan ini mengutip derma bagi tabung pembinaan stadium yang sedang giat di-lancarkan di-seluruh negara.

Beliau menerangkan, mereka dengan hormat memohon supaya ibu-bapa2 dan penaja murid2 serta penuntut2 bermurah hati menghulurkan derma sekadar yang ikhlas.

Berbagai2 acara sedang di-susun untuk di-persembahkan termasuk tarian, Peraduan Ratu dan Bintang SMMAT/SMAT. Di-samping itu, penyanyi2 tempatan2 akan juga menyumbangkan suara mereka.

Tafsir Darus-Salam siri ke-12

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah TAFSIR DARUS-SALAM siri ke-12 yang di-terbitkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama, Brunei sekarang sudah terbit dan di-jual kepada orang ramai mulai 2hb. Disember, 1972.

Dalam keluaran kali ini TAFSIR DARUS-SALAM memuat antara lain; Tafsiran dan huraian ayat (130) hingga (143) dari Surah Al-Baqarah.

Majalah yang berharga 50 sen sa-naskhah itu boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal Agama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 13hb. Disember, 1972 hingga ka-hari Selasa 19hb. Disember, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit	Matahari
13hb. Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19	
14hb. Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19	
15hb. Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19	
16hb. Dis.	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22	
17hb. Dis.	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22	
18hb. Dis.	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22	
19hb. Dis.	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(13hb. Disember, 1972).

PENGUNAAN BAHASA

MALAM Bahasa Sekolah2 China dan Misi yang dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran, Bahagian Pelajaran Dewasa dalam minggu lalu merupakan satu pertanda yang amat baik bagi perkembangan dan pemakaian Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Rasmi negeri ini sejak 13 tahun yang lalu.

Dua tahun sa-lepas Perlembagaan mengemukakan Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi yang tunggal di-negeri ini, sambutan yang sama telah diadakan di-Dewan Kemasharakatan. Sa-sudah 11 tahun, sambutan itu di-adakan lagi dengan acara2 yang sama sekali berlainan daripada mula2 ia-nya di-adakan. Perkara ini memang-lah biasa-nya berlaku menurut peralihan zaman dan menyesuaikan-nya dengan keadaan manusia. Dan ada-lah di-akui yang acara2 di-malam itu berkemungkinan besar menimbulkan suatu sikap yang baharu di kalangan sekolah2 China dan Misi itu terhadap kehendak perlembagaan mengenai Bahasa Melayu itu. Ini ada-lah merupakan suatu chita2 Kerajaan terhadap perasman bahasa itu supaya ia-nya (Bahasa Melayu) di-jadikan bahasa yang terpenting dan mengambil peranan dalam berbagai2 bidang, sa-lain dari menjadi bahasa perantara yang dapat menghubungkan rasa muhibbah antara rakyat berbagai bangsa dan kaum. Melalui saluran bahasa ini dan dengan ujud serta kukuh penggunaan-nya seperti yang dikehendaki oleh perlembagaan, maka hasrat untuk kemerluhan identiti negara Brunei pula serba sedikit akan menerima kesan yang menggalakkan.

Dalam soal penyiaran dan penggunaan bahasa rasmi ini, sa-jauh ini ada-lah terlalu banyak di-usahkan oleh Kerajaan sendiri dan kita juga pernah bersebok dengan bermacham2 perayaan yang khas untuk bahasa seperti minggu bahasa dan bulan bahasa. Melihat dari sini, ternyata hanya di-sa-belah pehak sahaja. Kalau pun ada pehak2 yang lain ada-lah tidak begitu meyakinkan dan lebeh2 lagi sa-bagai mana yang di-katakan oleh Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz "sa-bagai melepaskan batuk di-tangga sahaja". Mengharapkan hanya bahagian2 Kerajaan sahaja melaksanakan usaha2 ka-araf itu ada-lah kurang wajar sedangkan perkara itu ada-lah masalah negara yang perlu kepada pertolongan rakyat semua bangsa dan kaum. Apa jua masalah yang meragukan sama ada mengenai penyiaran dan penggunaan bahasa itu tidak harus di-jadikan sa-bagai harta yang mati, bahkan hendak-lah di-luaskan supaya di-ketahui dan sama2 di-atasi serta di-kerjakan kerana ia-nya ada-lah hak milik bersama. Dan, ada-lah lebeh baik bagi sekolah2 yang bukan Melayu mengadakan inisiatif sendiri dengan ikhlas dan jujur terhadap Bahasa Rasmi Negara.

ISTIADAT 'AKAD NIKAH SELAMAT DI-LAKSANAKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Istiadat 'Akad Nikah Diraja bagi perkahwinan antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Umi Kalthum Al-Islam binte Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin dengan Yang Mulia Pengiran Idris bin Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Muda Kahar telah sempurna di-laksanakan di-Mesjid Omar Ali Saifuddin pada petang semalam.

Istiadat yang di-jalankan dengan penuh adat istiadat itu disaksikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruh-jaya Tinggi British di-Brunei, Dato Utama Peter Gautrey, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir, Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M. Al-Sultan serta pembesar2 negara.

Istiadat 'Akad Nikah itu telah di-laksanakan oleh Kadzi Besar dan sa-jurus sa-telah itu tembakan meriam sa-banyak 7 das telah di-lepas bagi menandakan istiadat tersebut telah sempurna di-laksanakan.

Perayaan2 bagi Perkahwinan Diraja itu telah di-mulakan apabila Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga di-langsongkan di-Lapau, Istana Darul Hana dan di-rumah kediaman pengantin lelaki pada hari Khamis lepas.

Lain2 istiadat sa-belum menjelang-nya Istiadat 'Akad Nikah itu ia-lah Istiadat Menghantar Tanda Diraja pada 7hb. Disember, Istiadat Menghantar Pertunangan Diraja pada 8hb. Disember dan Istiadat Berbedak Diraja yang telah berlangsung pada hari Isnin 11hb. Disember.

Istiadat Bersanding Diraja akan berlangsung di-Balai Singgahsana, Istana Darul Hana pada hari Sabtu 16hb. Disember, 1972.

Melawat S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 60 orang ahli dari Persekutuan Guru2 Melayu Brunei termasuk 12 perempuan akan mengadakan lawatan muhibbah sa-lama lapan hari ka-Singapura pada hujung bulan ini. Rombongan pertama sa-ramai 33 orang akan bertolak pada 24hb. Disember ini yang di-ketahui oleh Awang Tuah bin Nordin yang juga sa-bagai Setia Usaha rombongan dan rombongan kedua sa-ramai 27 orang akan bertolak pada 25hb. Disember yang di-ketuai oleh Awang Shahbuddin bin Salleh selaku Yang Di-Pertua Persekutuan Guru2 Melayu Brunei. Rombongan itu juga akan disertai oleh tiga orang Pegawai dari Persekutuan itu, mereka ia-lah Awang Haji Hussain bin Zainal, Awang Mohamed bin Ismail dan Awang Emran bin Haji Hassan.




Majlis perjumpaan guru2 besar Sekolah2 Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 84 orang guru2 besar Sekolah2 Ugama seluruh negeri telah menghadiri satu perjumpaan sa-lama dua hari di-Sekolah Menengah Arab Hassan Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Perkara2 yang telah di-bincangkan dalam perjumpaan itu termasuk-lah mengulangkaji Sukatan Pelajaran yang di-buat oleh Nadzir Lawatan Sekolah2 Ugama di-sepanjang tahun 1972.

Satu majlis 'dailog' antara Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dengan guru2 besar sekolah2 Ugama juga telah diadakan di-perjumpaan tersebut.



Pemandangan di-Lapau ketika Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga di-jalankan pada hari Khamis lepas (gambar atas kiri). Rombongan Menghantar Tanda Perkahwinan Diraja tiba di-Istana Darul Hana dengan membawa Tanda Perkahwinan Diraja ia-itu sa-orang kanak2 perempuan yang berpakaian, gelanggang pengaluan, geronchong, subang dan berbunga serondoh yang di-kipak oleh Pengarah serta di-iringi oleh Da-yang2 yang membawa gangsa bawaan (atas).

Dua orang kanak2, sa-orang kanak2 perempuan yang berpakaian laki-laki dan kanak2 laki-laki pemutus tali jintong yang berpakaian lengkap ada-lah mengambil peranan yang penting dalam Istiadat Menghantar Pertunangan Diraja yang telah di-adakan pada hari Jumaat lepas (kiri).

278 orang penuntut terima hadiah dari B.S.P.

SA-RAMAI 278 orang penuntut dari daerah2 Brunei-Muara, Tutong dan Belait masing2 telah menerima hadiah dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dalam minggu ini.

Penuntut2 yang menerima hadiah itu ada-lah yang telah di-pileh sa-bagai penuntut yang terbaik bagi tahun 1971.

Dari jumlah itu, sa-ramai 150 orang penuntut dari 75 buah sekolah Melayu, Inggeris, China dan Misi di-Daerah Brunei-Muara; 68 orang penuntut dari sekolah2 di-Daerah Tutong dan 60 orang penuntut dari sekolah2 di-Daerah Belait.

Majlis penyampaian hadiah2

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin, bergambar ramai dengan guru2 besar Sekolah2 Ugama sa-negeri sa-telah selesai perjumpaan sa-lama dua hari itu. Gambar JHEU/BP.

18 pemain di-pileh mewakili Brunei

BERAKAS. — Penasehat Umum kebawah D.Y.M.M. Al-Sultan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa telah menyampaikan bendera Negeri Brunei kepada ketua pasukan bola sepak sekolah2 menengah yang akan mengambil bahagian dalam kejohanan Bola Sepak Sekolah2 Menengah Asia yang ketiga di-Bangkok.

Upacara penyampaian itu telah di-adakan di-lapangan terbang antara bangsa Brunei sa-jurus sa-belum rombongan itu bertolak ka-Singapura dalam perjalanan mereka ka-Thailand.

Rombongan yang mengandungi 18 orang pemain itu di-sertai oleh Awang Haji Abdi Manaf, sa-bagai pengurus pasukan, Awang Mohammad bin Ismail, sa-bagai penolong pengurus pasukan dan Awg. Suhaili Lani, sa-bagai juru-lateh.

Sementara itu, sa-ramai 16 orang pemain bola sepak akan berlepas ka-Kuching pada hari ini untuk mengambil bahagian dalam perlawanan bagi merebut 'Piala Borneo'.

Perlawanan antara tiga wilayah itu akan di-adakan di-Kuching sa-lama tiga hari mulai 15hb. Disember ini.

Pemain2 yang akan mewakili Brunei itu ia-lah: Che'gu Idris bin Damit, 2nd Lt. Yahya Haji Manaf, Insp. Zainal Sanif, Anuar bin Haji Abdullah, Ak. Tajuddin bin Pg. Othman, Mas Yuse bin Abdul, Mohd. Tahir bin Metusin.

Mohd. Yusof bin Bakar, Rosli bin Mahmud, Maarof bin Othman, Mohd. bin Bungsu, Abd. Rahman bin Haji Naim, Azamain bin Abdullah, Mohd. Jaafar bin Wali, Mohd. Noor bin Mohammad dan Sim Leng Kui.


Rombongan tersebut di-ketuai oleh Awang Abd. Wahab bin Hj. Mohd. Said, Awang Abd. Karim bin Pukul dan Awang Stephen Hendriks juga menyertai rombongan itu.



Duli Yang Amat Mulia Raja Muda Johore (kiri) ketika berbual2 dengan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah sa-telah selesai Istiadat Menganugerahkan Bintang Kebesaran Negeri Johore yang telah di-langsungkan di-Istana Darul Hana pada hari Ahad lepas. (Beritanya di-siarkan di-muka 1).



Awang Syed Ahmad ketika menyampaikan hadiah dan surat tahniah kepada salah sa-orang penuntut di-Daerah Belait sementara gambar bawah salah sa-orang penuntut perempuan dari Daerah Tutong ketika menerima hadiah dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad itu.



Ahli2 J/K Persekutuan Penuntut2 Brunei di-U.K. yang baru

LONDON. — Pengiran Abdul Rahman bin Pengiran Ratna Wangsa Pengiran Haji Metussin telah di-pilih sa-bagai Presiden Persekutuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom bagi tahun 1972/73.

Sa-belum di-pilih menjadi Presiden, Pengiran Abdul Rahman ia-lah Pengerusi Badan Pengkajian Islam Penuntut2 Brunei.

Beliau telah di-pilih dalam meshuarat agong tahunan yang telah di-adakan pada 11hb. Nobember yang lalu.

Lain2 ahli jawatankuasa yang di-lantik dalam meshuarat itu ia-lah **Pengerusi** — Awang Abd. Majid bin OKS Haji Abd. Rahim; **Setia Usaha** — Awang Abd. Latif bin Haji Ibrahim; **Pen. Setia Usaha** — Ak. Yakub bin Pengiran Othman; **Bendahari** — Ak. Abu Bakar bin Pengiran Haji Ismail. Dua orang ahli jawatankuasa juga telah di-pilih dalam meshuarat itu. Mereka ia-lah Abd. Majid bin Alias dan Ak. Shahminan bin Pengiran Haji Ismail.

Bersemepa dengan meshuarat agong itu, Persekutuan Penuntut2 Brunei itu juga telah mengadakan perjumpaan bagi menyambut Hari Raya Idil Fitri.

Perjumpaan yang di-hadiri oleh penuntut2, pegawai2 kerajaan dan sahabat2 handai yang menuntut United Kingdom itu telah di-anjarkan oleh Badan Pengkajian Islam Penuntut2 Brunei di-United Kingdom.

Gambar kanan menunjukkan Presiden Persekutuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom, Pengiran Abdul Rahman (berpakaian Melayu) bersama2 tiga orang penuntut yang lain, Pg. Anak Puteh (kiri sekali), Pengiran Yura Laila dan Awang Yakub bin Abu Bakar ketika menghadiri perjumpaan hari Raya Idil Fitri.

Manakala gambar bawah menunjukkan suasana meriah di-salami dengan gelak ketawa dari tiga orang penuntut dalam perjumpaan tersebut. Pengenaln gambar dari kiri: Dayang Norsiah Gapar, Dayang Intan binte Haji Salleh dan Dayang Mai'munah bte. Elias.



Meshuarat agong PERKASA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kampong Saba — PERKASA akan mengadakan meshuarat agong tahunannya yang ke-tujuh pada 24hb. Disember.

Meshuarat yang akan berlangsung di-dewan persatuan itu akan di-rasmikan oleh Yang Di-Pertua Persatuan itu, Awang Sani bin Ahmad.

Meshuarat tersebut akan membincangkan beberapa agenda dan melantik ahli2 jawatankuasa baru bagi tahun 1973.

Sa-orang juruchakap persatuan itu menyeru ahli2-nya supaya hadir ka-meshuarat tersebut.

Hampir \$2,000 di-kutip oleh Kelab Automobile

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kelab Automobile Negeri Brunei telah berjaya mengutip hampir \$2,000 dari penjualan tiket2, program2 dan bayaran meja dalam Malam Pesta yang telah berlangsung di-Dewan Kemasyarakatan di-sini pada 2hb. Disember dan hasil penjualan bendera yang telah diadakan sa-lama dua hari ia-itu pada 1hb. dan 2hb. Disember yang lalu.

Sa-banyak \$1,057 telah diperolehi dalam Malam Pesta sementara \$867.67 di-perolehi dari penjualan bendera.

Sa-orang juruchakap kelab tersebut menyatakan bahawa sa-bahagian dari hasil kutipan itu akan di-dermakan kepada tabong pembinaan stadium.

Beliau menyeru pemegang2 tiket yang bernasib baik yang di-undi dalam majlis Tari Me-

nari supaya berhubung dengan Awang Samsuddin Idris Pejabat Kesihatan atau kapada Setia Usah Sosial kelab tersebut Awang Abdullah Zakiah di-Pejabat Laut.

Tiket2 yang bernasib baik itu ia-lah, pertama — tiket nombor 0626; kedua — 0337; ketiga — 0317; ke-empat — 0053; kelima — 0712; ke-enam — 0856 dan ketujuh — 0218.

Bayaran letak kereta naik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bayaran bagi tiga kawasan tempat meletak kereta di-Bandar Seri Begawan telah di-naikan mulai hari Jumaat lepas.

Bayaran meletak kereta di-sepanjang Jalan Roberts, di-kawasan penarohan bus dan taksi serta tempat penarohan tambatan penumpang2 dekat dermaga sekarang di-kena sa-banyak 30 sen sa-jam.

Dulu-nya kawasan2 itu di-kena bayaran sa-banyak 20 sen sa-jam.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI JURU MESIN KANAN

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan Juru Mesin Kanan di-Bahagian Mesin Pejabat, Pejabat Perbendaharaan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu dan Tingkatan IV Inggeris;
- Pemohon2 hendak-lah sebaik2-nya berumur di-antara 27 hingga 35 tahun dan mempunyai pengalamannya luas dalam kerja2 memelihara dan membaiki mesin2 pejabat;
- Mengetahui sa-banyak sedikit tentang electronics merupakan suatu kelebihan;
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman menyelia kaki tangan2 dan menadbir sa-sebuah workshop.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 1 EB 2 — \$610x30-640x40-680/EB/710x30-950. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa percuti sa-lama 6 bulan. Chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh percuti.

Baksis:

Bagi chalun2 yang di-lantik sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sa-seorang yang sedang ber-

khidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan2-nya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendaklah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 30hb. Disember, 1972.

Pegawai

Imigresen

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pegawai Imigresen di-Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan III Inggeris dan Darjah IV Melayu.
- Chalun2 yang di-lantik mesti-lah berumur 18 tahun dan 25 tahun.

Tugas2:

Chalun2 yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas di-mana2 tempat di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410 x 20-510/EB/540 x 20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan2-nya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendaklah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 20hb. Disember, 1972.

Sa-bagai Kerani/

Penterjemah China

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan bagi jawatan sa-bagai Kerani / Penterjemah China di-Jabatan Pulis Diraja, Brunei.

Hanya chalun2 yang mempunyai kelayakan2 sekolah di-kehendaki memohon.

Kelayakan2:

- Lulus Senior Middle Chinese dan Overseas School Certificate dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan bahasa China atau yang sa-banding.
- Berpengalaman dalam pekerjaan menterjemah.

Tugas2:

Menterjemah surat2 dari bahasa Inggeris ka-bahasa China dan sabalek-nya serta sa-batang tugas2 kerani yang lain.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 2 — \$710x30-950 atau D. 3 EB 4 — \$410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa percuti sa-lama 6 bulan. Chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh percuti.

Baksis:

Bagi chalun yang di-lantik sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendaklah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 30hb. Disember, 1972.

Sa-bagai Penterjemah Di-D.B.P.

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Penterjemah di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris atau kelayakan yang sa-banding dengannya;
- Boleh menterjemah dari bahasa Melayu/Inggeris dan Inggeris/Melayu; dan
- Berpengalaman dalam kerja2 penterjemahan sekurang2-nya sa-lama tiga tahun.

Mereka yang tidak mempunyai kelayakan dan pengalaman yang tersebut di-atas tidak perlu memohon.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 3 EB 4 — \$410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan

hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 kepada-nya tidak lewat dari tidak lewat dari 27hb. Disember, 1972.

Sa-bagai Operetor Tingkat II

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Operetor Tingkat II (Talipon) di-Pejabat Askar Melayu Diraja Brunei.

Kelayakan2:

- Mesti-lah lulus Form II Inggeris dan Darjah IV Melayu;
- Keutamaan akan di-beri kepada orang2 yang boleh berbahasa Melayu dan Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 — \$220x10-290.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendaklah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 20hb. Disember, 1972.

Sa-bagai Pemandu Kereta Tingkatan II

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pemandu Kereta Tingkatan II di-Jabatan Muzium, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 dan 40 tahun dan boleh menulis dan membaca.
- Mereka mesti-lah peman-

du2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan2 kecil.

Tugas2:

Chalun yang berjaya akan di-kehendaki memandu kendaraan Jabatan dan bersedia bekerja bila2 masa di-keh-

daki di-luar masa pekerjaan biasa.

Gaji:

Dalam Sukatan gaji F. 3 — \$220x5-240.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendaklah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 30hb. Disember, 1972.

**MENDERMA-LAH
KAPADA
TABONG
PEMBINAAN
STADIUM
SA-BERAPA
BANYAK
YANG BOLEH**



YANG Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir ketika menarek tirai bagi merasmikan pembukaan batu peringatan Rumah Britania.

Papan2 tanda hendak-lah ai-tulis dalam B-Malayu

(Dari muka 1)

butan saperti itu hanya di-sifatkan beliau sa-bagai "melepaskan batok di-tangga" sahaja.

Ada-lah penting sekolah2 tersebut mensifatkan arahan2 dan kemudahan2 ka-arrah memperkembangkan bahasa Melayu itu di-jadikan asas atau usaha minima menuju inisiatif lebih luas yang timbul dari hati suka-rela sa-bagai raayat yang taat setia atau penduduk yang mengharapakan perlindungan di-negeri ini.

Jabatan Lembaga Bandaran tegas Yang Berhormat itu lagi, memerlukan pemakaian bahasa Melayu di-papan2 tanda (Sign Boards) di-kedai2, di-bangunan2 atau di-tempat2 lain di-seluruh kawasan Lembaga Bandaran dengan tulisan jawi dan rumi dan jika penting boleh-lah membuboh tulisan bahasa Inggeris lebih kecil daripada tulisan bahasa Melayu.

Lembaga Bandaran tidak-lah payah menggunakan kuat-kuasa Undang2 kepada semua ahli2 perniagaan memerlukan arahan demikian sa-bagai satu tanda taat setia mereka dan tentu-lah dengan daya-usaha mereka sendiri dapat mengubah atau menyesuaikan papan2 tanda itu sa-bagai mana yang di-maksudkan.

Menyentuh mengenai Derma Pembinaan Stadium, Yang Berhormat itu berpuas hati atas sambutan orang ramai di-samping itu beliau juga menguchapkan terima kaseh atas sumbangan tenaga suka-rela Pegawai2 dan kaki-tangan Jabatan Bandaran dan Dewan Bahasa dan Pustaka memasang slab batu di-tepi Jalan Tutong baru2 ini yang mana upah dari kerja2 itu akan di-dermakan kepada Tabong Pembinaan Stadium.

Yang Berhormat itu menerangkan lagi, pehak-nya telah

membuat perundingan2 antara kaum nelayan dan penjual2 ikan di-Pasar Besar bagi membincangkan sumber2 yang munasabah bagi mendapatkan wang untuk Derma Pembinaan Stadium dan beliau juga berharap kaum nelayan dan penjual2 ikan akan memberikan sambutan -yang baik dan memuaskan dalam perkara itu.

Awang Ong Kim Kee pada bulan lepas telah menyumbangkan derma lebih \$7,000 hasil tayangan sa-hari wayang gambar dan pada kali ini Awang Ong Kim Kee akan menyumbangkan derma hasil dari jualan minyak sa-hari dari di-steshen penjualan minyak-nya di-Jalan Pretty dekat Jabatan Kastam Diraja dan orang ramai ada-lah di-seru supaya membeli minyak di-tempat Awang Ong Kim Kee pada hari itu.

Akhir-nya Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran itu berharap akan banyak lagi Sharikat2 atau Badan2 Penjualan Minyak di-seluruh Bandar Seri Begawan menyumbangkan derma mereka bagi tujuan2 yang sama.



Y.B. Dato Paduka Awang Haji Aziz ketika berucap sa-belum merasmikan Malam Bahasa anjoran Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Pengiran Perdana Wazir rasmikan pembukaan tirai

batu peringatan Rumah Britania

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sah'bul Himmah Wal-Waqar Muda Mohamed Bol-kiah telah berangkat merasmikan pembukaan tirai batu peringatan Rumah Britania, sa-buah bangunan pejabat2 perniagaan yang pertama di-bina di-Bandar Seri Begawan.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir juga telah menutup sa-buah peti besi terletak di-bahagian dalam dinding di-

bawah batu peringatan itu, yang berisikan berbagai jenis barang yang menggambarkan kehidupan dan zaman Negeri Brunei dalam tahun 1972. Peti besi itu akan di-meterikan dan di-pelihara.

Satu senarai lengkap barang2 dalam peti besi itu akan di-pamerkan dalam bangunan tersebut bila ia-nya siap dan satu lagi senarai akan di-simpan oleh Muzium Brunei dengan ehsan kurator muzium.

Bangunan Rumah Britania di-bina oleh Brunei Properties Berhad yang di-anjorkan bersama oleh Sharikat Borneo dan Chartered Bank dengan melan belanja \$1½ juta.

Awang K. Gould, pengerusi Inchcape Berhad yang dengan-nya Sharikat Borneo sa-bagai ahli dalam ucapan-nya di-upachara itu, telah melahirkan harapan supaya bangunan itu akan siap untuk di-gunakan pertengahan tahun hadapan.

Awang Gould berkata, mereka berasa bangga membuat sumbangan tersebut bagi meneruskan perkembangan dan kemajuan Bandar Seri Begawan sa-bagai sa-buah bandar yang moden dan progresif.

Beliau juga menyatakan tentang kesedaran hubungan rapat yang bersejarah antara Negeri Brunei dengan United Kingdom dan mereka yakin bahawa perhubungan ini akan berlanjutan, dan dengan sebab2 ini-lah bangunan tersebut di-kenali sa-bagai Rumah Britania.

Awang Gould juga berkata, mereka membina bangunan tersebut sa-bagai satu kenyataan umum berhubung dengan kepercayaan dan keyakinan mereka terhadap pimpinan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang bijaksana dan penoh kesedaran memerintah Negeri Brunei.

Kata-nya, dengan pimpinan Baginda itu, mereka yakin bahawa Negeri Brunei akan terus berkembang dan makmor.

Di-antara pembesar2 negara yang hadir di-upachara itu ialah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Dato Utama Peter Gautrey, Pena-sehat U m u m Kebawah D.Y.M.M. Al-Sultan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa, Y.T.M. Seri Paduka Duli2 Wazir, Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara, Y.A.M. Cheteria2, Ketua2 Jabatan, Pengiran2, Pehin2 dan pemimpin2 kaum

Pembayaran Penchen bagi bulan Nob.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak \$126,425.00 telah di-bayar untuk perkhidmatan Kebajikan Penchen2 Negara Brunei bagi bulan Noverber yang lalu.

Menurut penyata pembayaran kasar yang di-keluarkan oleh Timbalan Pengawal Penchen2 Brunei menunjukkan bahawa sa-banyak \$121,250.00 telah di-bayar kepada penerima2 penchen umur tua: \$4,600.00 di-bayar bagi penchen orang2 buta serta tanggong mereka dan \$575.00 di-bayar bagi alaon orang2 tanggongan penyakit kusta dan gila.

Berikut ia-lah penyata kasar yang menunjukkan pembayaran penchen2 bagi seluruh negeri dalam bulan Noverber yang lalu.

PENCHEN UMOR TUA

Daerah Brunei dan	
Muara	\$ 67,700.00
Daerah Belait	22,125.00
Daerah Tutong	25,225.00
Daerah Temburong	6,200.00
Jumlah:	121,250.00

PENCHEN ORANG2 BUTA SERTA TANGGONGAN-NYA

Daerah Brunei dan	
Muara	\$ 3,162.50
Daerah Belait	687.50
Daerah Tutong	525.00
Daerah Temburong	225.00
Jumlah:	4,600.00

ALAON ORANG2 TANGGONGAN PENYAKIT KUSTA DAN GILA

Daerah Brunei dan	
Muara	\$ 325.00
Daerah Belait	187.50
Daerah Tutong	62.50
Daerah Temburong	—
Jumlah:	575.00